

Penduduk Malaysia naik 2.1 peratus

PETALING JAYA – Jumlah penduduk Malaysia pada 2023 dianggarkan sebanyak 33.4 juta berbanding 32.7 juta pada 2022, iaitu kadar pertumbuhan penduduk tahunan pada 2.1 peratus, menurut laporan Anggaran Penduduk Semasa yang diterbitkan Jabatan Perangkaan semalam.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Mohd. Uzir Mahidin berkata, peningkatan kadar pertumbuhan penduduk didorong oleh migrasi antarabangsa, dengan pertambahan bilangan penduduk bukan warganegara daripada 2.5 juta tahun lalu, kepada tiga juta tahun ini.

"Jumlah penduduk warganegara pula meningkat daripada 30.2 juta pada 2022 kepada 30.4 juta pada 2023, iaitu pertumbuhan kecil sebanyak 0.7 peratus (2022: 0.6 peratus).

"Tiga negeri iaitu Sabah (5.1 peratus), Labuan (2.6 peratus) dan Selangor (2.2 peratus) melepasi kadar pertumbuhan nasional, manakala tiga negeri yang mencatatkan komposisi pen-



JUMLAH warga asing di Malaysia meningkat secara signifikan daripada 2.5 juta orang pada tahun lalu kepada tiga juta tahun ini. – GAMBAR HIASAN

duduk tertinggi pada 2023 ialah Selangor (21.6 peratus), diikuti Johor (12.3 peratus) dan Sabah (10.8 peratus)," katanya dalam

satu kenyataan.

Menurut Jabatan Perangkaan, peningkatan kadar pertumbuhan penduduk turut berlaku di

beberapa negara lain seperti Singapura (3.4 peratus), Australia (1.9 peratus), Jerman (1.3 peratus) dan Amerika Syarikat seba-

nyak 0.5 peratus.

Komposisi penduduk warganegara menurun daripada 92.4 peratus (2022) kepada 91.1 peratus pada 2023 disebabkan peningkatan komposisi penduduk bukan warganegara, selaras dengan pembukaan semula sempadan negara mulai 1 April 2022 dan pelaksanaan Program Rekalibrasi Tenaga Kerja 2.0 mulai Januari 2023.

Bumiputera menyumbang 70.1 peratus daripada 30.4 juta warganegara pada 2023 berbanding 69.9 peratus tahun lalu.

Sementara itu, komposisi penduduk Cina menurun kepada 22.6 peratus (2022: 22.8 peratus), manakala India dan lain-lain masing-masing kekal pada 6.6 peratus dan 0.7 peratus.

Nisbah jantina bagi keseluruhan penduduk Malaysia ialah 110 lelaki bagi setiap 100 perempuan, manakala umur penengah penduduk Malaysia mencecah 30.7 tahun pada 2023, naik sedikit daripada 30.4 tahun pada tahun sebelumnya.

TDMP sasar 100% pekerja am tempatan di ladang sawit

KUALA TERENGGANU – Anak syarikat Kumpulan TDM Berhad, TDM Plantation Sdn. Bhd. (TDMP) menyasarkan penggunaan 100 peratus pekerja am dan 70 peratus penuai dalam kalangan warga tempatan menjelang tahun 2027.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Hamdan Ibrahim berkata, pendekatan itu selaras dengan dasar kerajaan yang mengutamakan pekerja tempatan dalam industri perladangan dan komoditi.

Tambahnya, strategi telah dirangka bagi mencapai sasaran itu dalam tempoh empat tahun seperti meningkatkan penggunaan mekanisasi dan teknologi pertanian tepat di ladang-ladang kepala sawit milik TDMP.

"Penggunaan mekanisasi diharap dapat menarik minat pekerja tempatan untuk menyertai industri perladangan.

"Selain itu, ia juga bagi meningkatkan kecekapan produktiviti dan mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga buruh manusia di ladang kelapa sawit," katanya di sini semalam.

Hamdan berkata, pihaknya juga akan menyediakan program latihan berterusan bagi memperkasa kemahiran pekerja tem-



PENGGUNAAN mekanisasi dan teknologi pertanian tepat mampu mengurangkan kebergantungan kepada buruh asing.

patan dalam penggunaan peralatan terkini dan moden.

"Syarikat menawarkan tangga gaji dan insentif berbaloi bagi menarik minat lebih ramai warga tempatan terutamanya untuk

menjadi penuai buah kelapa sawit selain kemudahan perumahan percuma dan perkhidmatan perubatan percuma buat pekerja ladang dan ahli keluarga mereka," katanya.



SEBAHAGIAN daripada peserta Kejohanan Boling PPZ-MAIWP 2023 yang diadakan di Putrajaya, kelmarin.

PPZ-MAIWP dakwah zakat perniagaan menerusi boling

PETALING JAYA – Pusat Pungutan Zakat-Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) menganjurkan Kejohanan Boling PPZ-MAIWP 2023 di IOI Putrajaya kelmarin bagi mengeratkan hubungan dengan syarikat-syarikat prospek dan pembayar zakat.

Ia merupakan salah satu dakwah zakat berkonsepkan riadah bagi mewujudkan suasana lebih santai untuk meningkatkan kesedaran menunaikan zakat perniagaan khususnya dalam kalangan syarikat.

Sebanyak 14 syarikat menyertai kejohanan berke-

naan termasuk Harta Maintenance Sdn. Bhd., Payment Network Malaysia Sdn. Bhd., FGV Holdings, Pelaburan Hartanah Berhad dan MSM Prai Berhad.

Ketua Pegawai Kewangan PPZ-MAIWP, Azhan Ismail berkata, setakat Januari hingga Jun 2023, sebanyak 2,153 pembayar zakat perniagaan yang terdiri dari pelbagai jenis perniagaan termasuk individu telah menunaikan zakat perniagaan sebanyak RM57,150,283 di PPZ-MAIWP.

"Besarnya harapan kami agar kutipan zakat perniagaan ini terus meningkat," katanya.